

International Journal of Education,
Psychology and Counselling (IJEPC)
Journal Website: <http://ijepe.com/>
eISSN: 0128-164X



IMPLEMENTASI TEORI PELAZIMAN OPERAN SKINNER DALAM PEMBANGUNAN MODUL ROBOT M-SOLAT

IMPLEMENTATION OF SKINNER'S OPERATION OPERATING THEORY IN THE BUILDING OF THE M-SOLAH ROBOT MODULE

Siti Fauziah Mohd Amin^{1*}, Sabariah Sharif², Mad Nor Madjapuni³, Muralindran Mariappan⁴

¹ Department of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: dp1811049t@student.ums.edu.my

² Department of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: sabariah@ums.edu.my

³ Department of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mdnoormj@ums.edu.my

⁴ Department of Engineering, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email : murali@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 05.04.2020

Revised date: 19.04.2020

Accepted date: 26.04.2020

Published date: 05.06.2020

To cite this document:

Amin, S. F. M., Sharif, S.,
Madjapuni, M. N., & Mariappan, M.
(2020). Implementasi Teori
Pelaziman Operan Skinner dalam
Pembangunan Modul Robot M-Solat.
International Journal of Education,
Psychology and Counselling, 5 (35),
38-48.

DOI: 10.35631/IJEPC.535005.

Abstrak:

Modul Robot M-Solat merupakan modul yang dibangunkan khas untuk pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) solat. Modul ini dibangunkan berdasarkan keperluan memaksimumkan penguasaan teori dan amali solat bagi meningkatkan tahap pelaksanaan solat dalam kalangan murid. Pembangunan modul ini mengimplementasikan penggunaan peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam modul ini bagi mengalakkan murid terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan pemudahcara (PdPc). Peneguhan positif dan peneguhan negatif merupakan dua elemen penting dalam Teori Pelaziman Operan Skinner. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti penggunaan peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam pendidikan dan mencadangkan implementasi elemen ini dalam pembangunan Modul Robot M-Solat. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen. Pencarian bahan-bahan ilmiah seperti artikel jurnal, kertas persidangan, tesis dalam bentuk digital dan bukan digital dilakukan dengan menggunakan kata kunci "peneguhan positif", "peneguhan negatif" dan "Teori Pelaziman Operan Skinner", "solat" dan "modul". Dapatan kajian menunjukkan peneguhan positif dapat diimplementasikan dalam Modul Robot M-Solat dengan pemberian bintang, pemberian kad anugerah, penghormatan dan pujian daripada guru atau Robot M-Solat. Manakala, penggunaan peneguhan negatif pula digunakan dengan pemberian kad penalti, teguran, nasihat, masa dan tugas tambahan semasa proses

pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) berlangsung.

Kata Kunci:

Peneguhan Positif, Peneguhan Negatif, Teori Pelaziman Operan, Solat, Modul

Abstract:

The M-Solah Robot Module is a module specially developed for learning and facilitating (PdPc) solah. This module was developed based on the need to maximise mastery of the theory and practice of solah to enhance the level of practice of solah among students. The development of the module addresses the use of positive and negative reinforcement in the activities included in this module to encourage students to be actively involved in learning and facilitating (PdPc). Positive and negative reinforcement are two essential components of Skinner's Operation Theory of Opposition. Therefore, the objective of this study was to identify the use of positive and negative reinforcement in education and to propose the implementation of the element in the development of the M-Solah Robot Module. This study was a qualitative study employing a document analysis method. The search for scientific materials such as journal articles, conference papers, theses in digital and non-digital forms was done using the keywords "positive reinforcement", "negative reinforcement" and "Operation Theory of Skinner Operation", "prayer" and "module". The findings revealed that positive reinforcement could be implemented in the M-Solah Robot Module with the awarding of stars, awarding cards, honouring and praising from teachers or M-Solah Robot. Contrarily, the use of negative reinforcement could be executed with the granting of penalty cards, reprimanding, advising, giving time and extra work during the learning and facilitating the process.

Keywords:

Positive Reinforcement, Negative Reinforcement, Operative Theory Theory, Solah, Module

Pengenalan

Penguasaan teori dan penguasaan amali solat fardu memerlukan murid menguasai aspek teori dan amali solat fardu. Namun begitu, realiti dalam dunia pendidikan hari ini menunjukkan penguasaan teori dan amali solat fardu sebilangan besar murid masih berada pada tahap tidak memuaskan. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan penguasaan teori solat fardu murid masih berada pada tahap sederhana (Mohd Zainal Abidin Che Mood, Mohd Aminuddin Ab. Rahaman, Nurul Huda Mohd Bisri, & Zaradi Sudin, 2012). Sementara dari aspek penguasaan amali solat fardu, kajian terdahulu mendapati penguasaan amali melibatkan bacaan solat murid berada pada tahap sederhana disebabkan murid sukar membaca bacaan solat fardu dalam Bahasa Arab (Jamaliah Abdul Jalil, Mohd Isa Hamzah, & Maimun Aqsha Lubis, 2017). Hal ini merupakan antara faktor utama menyebabkan murid tidak mengamalkan solat fardu dalam kehidupan seharian (Nor Fauzani Jumodi, Nor Akmal Mohamad, & Noor Haslinda Zainoldin, 2014). Berdasarkan analisis keperluan yang dilakukan, pembangunan Modul Robot M-Solat dilakukan khas bagi memenuhi keperluan untuk meningkatkan penguasaan murid dalam aspek teori dan amali solat fardu. Modul ini menggunakan set Robot M-Solat yang direkabentuk khusus sebagai bahan bantu belajar

(BBM) bertujuan untuk meningkatkan minat dan motivasi murid dalam pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) solat fardu.

Sorotan Literatur

Perbincangan dalam sorotan literatur memfokuskan tentang Teori Pelaziman Operan Skinner dan dua elemen penting dalam teori ini, mencakupi perbincangan berkaitan peneguhan positif dan peneguhan negatif.

Teori Pelaziman Operan Skinner


Teori Pelaziman Operan Skinner merupakan teori yang dipelopori oleh Burrhus Frederic Skinner yang lebih dikenali sebagai BF Skinner pada tahun 1938 (McLeod, 2015). BF Skinner merupakan salah seorang psikologi Amerika yang terkenal (Smith, 1999). Menurut Bf Skinner, seseorang boleh mengawal tingkahlaku berdasarkan motivasi tersendiri dan kesan tingkahlaku sebelumnya berdasarkan eksperimen yang dilakukannya menggunakan Kotak Skinner. Beliau membahagikan tingkahlaku manusia kepada dua kategori, iaitu tingkahlaku responden bagi tingkahlaku hasil gerakbalas terhadap alam sekitar dan tingkahlaku operan bagi tingkahlaku hasil gerakbalas yang dihasilkan oleh diri sendiri. Tingkahlaku operan mengandungi dua elemen penting iaitu peneguhan positif dan peneguhan negatif (Sang, 2008; Zhou & Brown, 2017).

Peneguhan Positif

Peneguhan positif merupakan rangsangan yang boleh menambahkan kebarangkalian berulangnya sesuatu tingkahlaku. Peneguhan ini berfungsi sebagai ganjaran yang menggalakkan individu mengulangi tingkahlaku tertentu (McLeod, 2015). Peneguhan positif dibahagikan kepada peneguhan yang diberikan secara berterusan dan peneguhan yang diberikan secara berkala (Sang, 2008; Zhou & Brown, 2017).

Peneguhan Negatif

Rangsangan yang dipindahkan atau dihapuskan bertujuan untuk menguatkan tingkahlaku positif dikenali sebagai peneguhan negatif dalam Teori Pelaziman Operan Skinner (Sang, 2008; Zhou & Brown, 2017). Peneguhan negatif ini berkaitan dengan memberi sesuatu yang tidak baik tetapi kesannya menghasilkan sesuatu yang baik (Khalim Zainal, 2008).



Rajah 1: Tingkahlaku Operan Skinner

Sumber: Sang, 2008

Objektif Kajian

Kajian yang memfokuskan berkaitan implementasi peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam pembangunan Modul Robot M-Solat ini menetapkan dua objektif kajian seperti berikut:

Objektif Pertama

Mengenalpasti pelaksanaan peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam bidang pendidikan.

Objektif Kedua

Mencadangkan implementasi peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam pembangunan Modul Robot M-Solat.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen daripada bahan-bahan bertulis berkaitan Teori Pelaziman Operan Skinner, peneguhan positif dan peneguhan negatif. Analisis daripada buku-buku rujukan, artikel, kertas persidangan dan tesis dilakukan bagi mengumpul maklumat berkaitan penggunaan peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam dunia pendidikan. Maklumat-maklumat ini seterusnya diterjemahkan ke dalam bentuk praktikal yang relevan digunakan dalam pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) solat fardu dengan menggunakan Modul Robot M-Solat. Penulisan metodologi untuk kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu kaedah, persampelan dokumen untuk analisis kandungan, analisis data dan kawalan kualiti data.

Kaedah

Kaedah analisis kandungan digunakan bagi mendapatkan data untuk menjawab persoalan-persoalan kajian. Kaedah analisis kandungan merupakan antara kaedah yang digunakan secara meluas dalam bidang penyelidikan dalam pelbagai bidang (Bernad, Russell & Ryan, 2010; Ghazali Darusalam & Sufean Husin, 2018). Dokumen-dokumen yang dikenalpasti daripada penulisan bahan-bahan ilmiah terdahulu berkaitan persoalan kajian.

Persampelan Dokumen Untuk Analisis Kandungan

Pencarian data menggunakan bahan-bahan ilmiah yang terdiri daripada buku-buku rujukan, artikel, kertas persidangan dan tesis menggunakan kata kunci “peneguhan positif”, “peneguhan negatif” dan “Teori Pelaziman Operan” dilakukan melalui enjin carian *Google*, *Malaysian Citation Index (MyCite)*, *Google Scholar*, *Directory of Open Access Journals (DOAJ)*, *Scopus*, *Springer*, dan carian di perpustakaan. Sebanyak enam buku rujukan, tiga belas artikel, satu kertas persidangan dan satu tesis dianalisis berdasarkan tujuan kajian ini.

Analisis Data

Proses penganalisan data dilakukan secara analisis tersurat dan tersirat berpandukan kepada data yang diperolehi daripada bahan-bahan ilmiah terpilih (Bengtsson M., 2016; Grbich, 2013). Data kemudiannya dipersembahkan bersesuaian dengan persoalan dan objektif kajian yang telah ditetapkan. Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, berkaitan penggunaan peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam pendidikan, data dibincangkan melalui pelaksanaan peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam pendidikan dalam kajian-kajian terdahulu. Manakala untuk menjawab persoalan kajian yang kedua, berkaitan cadangan implementasi peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam pembangunan Modul Robot M-Solat, maklumat dimasukkan ke dalam jadual yang dibina berdasarkan submodul Modul Robot M-Solat.

Kawalan Kualiti Data

Bagi memastikan data kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan semasa analisis kandungan dijalankan, pengkaji pertama berperanan sebagai *primary coder*, sementara pengkaji lain membuat semakan laporan secara rawak untuk memastikan kebolehpercayaan data diperolehi (Ghazali Darussalam & Sufean Husin, 2018).

Dapatan Kajian

Perbincangan berkaitan hasil kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian selari dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan pertama berkaitan pelaksanaan peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam bidang pendidikan dan perbincangan kedua berkaitan implementasi peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam Modul Robot M-Solat:

Pelaksanaan Peneguhan Positif dan Peneguhan Negatif dalam Bidang Pendidikan

Pelbagai bentuk peneguhan positif dan peneguhan negatif dapat dilakukan dalam bidang pendidikan. Pemberian peneguhan positif dapat dilakukan dalam bentuk lisan dan bukan lisan. Dalam bentuk lisan, peneguhan positif dapat diberikan dengan memberi galakan (Nurul Azura Che Hashim, Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Mohd Mokhtar Tahar, 2016), pujian (Nurul Azura *et al.*, 2016; Sang, 2008; Khalim Zainal, 2008; Fhatin Nurnaqibah Alyaa Mohd Noor, & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2016; Sajap.t.th) dan penghargaan (Sang, 2008). Manakala peneguhan positif dalam bentuk bukan lisan seperti pelukan (Nurul Azura *et al.*, 2016), senyuman (Nurul Azura *et al.*, 2016; Gordan, 2014), masa rehat (Khalim Zainal, 2008), hadiah (Sang, 2008; Khalim Zainal, 2008; RK Rusli & MA Kholik, 2013), ganjaran (McLeod, 2015), pemberian markah, duduk dekat dengan murid, meluangkan aktiviti bersama murid, memberi pilihan berbeza kepada murid dan memfokuskan kepada tingkahlaku positif mereka (Gordan & Krishanan, 2014). Pemberian peneguhan positif ini membuatkan murid merasa mereka dihargai dan diberi perhatian. Hal ini mengukuhkan keinginan murid untuk terus mengamalkan tingkahlaku positif dalam pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) (Nurul Azura *et al.*, 2016).

Manakala, peneguhan negatif dapat dilakukan dengan melakukan *time out* iaitu murid diletakkan di suatu tempat yang berasingan dengan murid-murid lain (Fhatin Nurnaqibah Alyaa Mohd Noor, & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2016) dan penahanan terhadap murid yang tidak menyelesaikan tugas yang diberikan. Peneguhan negatif yang diberikan secara konsisten terhadap murid yang sama berpotensi untuk menjadikan murid tersebut berubah. Sekiranya murid tadi telah berubah menjadi murid yang rajin, peneguhan positif relevan dilakukan terhadap murid tersebut (Khalim Zainal, 2008). *Time Out* dapat digantikan dengan pemberian kad penalti manakala penahanan dapat digantikan dengan pemberian tugas dan masa tambahan bagi tujuan pengukuhan. Selain daripada dua bentuk peneguhan negatif tersebut, implementasi peneguhan negatif dapat diterjemahkan ke dalam pelbagai bentuk pendekatan menggunakan lisan dan bukan lisan semasa aktiviti pembelajaran dan pemudahcara (PdPc).

Implementasi Peneguhan Positif dan Peneguhan Negatif dalam Pembangunan Modul Robot M-Solat

Perbincangan berkaitan implementasi peneguhan positif dan peneguhan negatif dalam Modul Robot M-Solat dibahagikan mengikut submodul dan aktiviti-aktiviti yang dibangunkan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tingkatan Satu dan Buku Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (KPM 2010, 2015).

Submodul Ta'aruf, Targhib dan Tarhib Solat Fardu

Submodul *ta'aruf* solat fardu memfokuskan tentang pengenalan solat fardu mencakupi pengertian, sejarah, syarat wajib dan syarat sah menunaikan solat fardu; submodul *targhib* solat pula, berkisar tentang hikmah menunaikan solat fardu menurut Islam dan kelebihan solat fardu menurut sains; manakala submodul *tarhib* solat fardu berkaitan akibat dan balasan meninggalkan solat fardu.

Jadual 1: Implementasi Peneguhan Positif Dan Peneguhan Negatif Dalam Pembangunan Submodul Ta'aruf, Targhib Dan Tarhib Solat Fardu

Aktiviti	Implementasi Peneguhan Positif	Implementasi Peneguhan Negatif
<i>Ta'aruf</i> (Pengenalan) Solat Fardu	Pemberian “bintang” bagi murid yang berjaya meletakkan kad syarat wajib solat dan kad syarat sah solat fardu pada peta pemikiran (peta pokok) dengan tepat.	Pemberian kad penalti bagi murid yang tidak menyelesaikan tugas melengkapkan peta pemikiran berkaitan pengertian, dalil, syarat wajib dan syarat sah solat untuk tujuan pengukuhan.
<i>Targhib</i> (Galakan) Solat Fardu I	Pemberian ganjaran “bintang” bagi murid yang berjaya menjawab dengan tepat semasa sesi <i>muraja'a</i> (ulangkaji).	Pemberian kad penalti bagi murid yang tidak menyelesaikan tugas berkaitan hikmah solat fardu.
<i>Targhib</i> (Galakan) Solat Fardu II	Pemberian ganjaran “bintang” bagi murid yang berjaya menjawab dengan tepat semasa sesi <i>muraja'a</i> (ulangkaji). Pemberian kad anugerah bagi kumpulan yang menghasilkan kerja kumpulan terbaik berkaitan kelebihan solat fardu menurut sains.	Pemberian tugas kepada kumpulan yang tidak berhasil membentangkan hasil kerja kumpulan berkaitan kelebihan solat fardu menurut sains.
<i>Tarhib</i> (Ancaman) Solat Fardu	Pemberian ganjaran “bintang” bagi murid yang berjaya menjawab dengan tepat semasa sesi <i>muraja'a</i> (ulangkaji) dan kepada murid yang menghasilkan lukisan <i>mizan</i> solat fardu dengan kemas.	Tugasan tambahan berkaitan <i>tarhib</i> solat fardu.

Sub modul: Rukun-rukun Solat Fardu

Submodul rukun-rukun merupakan submodul yang membincangkan berkaitan rukun-rukun solat fardu iaitu rukun *qalbi* (hati), rukun *qauli* (perkataan) dan rukun *fikli* (perbuatan) dari aspek teori dan amali.

Jadual 2: Implementasi Peneguhan Positif Dan Peneguhan Negatif Dalam Pembangunan Submodul Rukun-Rukun Solat Fardu

Aktiviti	Implementasi Peneguhan Positif	Implementasi Peneguhan Negatif
Rukun <i>Qalbi</i> (Hati)	Pemberian ganjaran “bintang” bagi murid yang berjaya menjawab dengan tepat semasa sesi <i>muraja’ a</i> . Pemberian ganjaran “bintang” kepada lima murid terawal yang dapat menghafaz rukun <i>qalbi</i> (hati) dengan sebutan dan tajwid yang tepat.	Tugasan <i>tasmik</i> rukun <i>qalbi</i> (hati) bagi murid yang tidak berjaya menghafaz rukun <i>qalbi</i> (hati).
Rukun <i>Qauli</i> (Perkataan) I	Robot M-Solat mengucapkan tahniah dan syabas kepada murid yang berjaya menjawab soalan guru berkaitan rukun <i>qalbi</i> (hati) dan rukun <i>qauli</i> (perkataan).	Tugasan <i>tasmik</i> rukun <i>qauli</i> (perkataan) bagi murid yang tidak berjaya menghafaz rukun <i>qauli</i> (perkataan).
Rukun <i>Qauli</i> (Perkataan) II	Pemberian kad anugerah bagi kumpulan yang berjaya mencantumkan rukun <i>qauli</i> (perkataan) dengan terjemahannya yang tepat dalam Bahasa Melayu dalam aktiviti “ <i>jigsaw reading</i> ”.	Pemberian kad penalti bagi kumpulan yang tidak berjaya mencantumkan rukun <i>qauli</i> (perkataan) dengan terjemahan yang tepat dalam Bahasa Melayu dalam aktiviti “ <i>jigsaw reading</i> ”.
Rukun <i>Fikli</i> (Perbuatan)	Pemberian bintang kepada murid yang melakukan rukun <i>fikli</i> (perbuatan) dengan tepat. Galakan dan dorongan untuk sentiasa menjaga solat semasa berada di luar sekolah.	Isyarat kepala dan tangan, teguran dan bimbingan bagi murid yang melakukan kesalahan amali rukun <i>fikli</i> (perbuatan).
Gamifikasi Rukun Solat Fardu	Pemberian ganjaran “bintang” bagi murid yang berjaya menjawab dengan tepat semasa sesi <i>muraja’ a</i> (<i>ulangkaji</i>). Kad anugerah kepada kumpulan yang berjaya mengerakkan Robot M-Solat sehingga ke petak Mumtaz. Robot M-Solat mengucapkan tahniah, syabas dan <i>well done</i> kepada murid yang berjaya melafazkan rukun <i>qalbi</i> (hati) dan rukun <i>qauli</i> (perkataan) serta melakukan rukun <i>fikli</i> (perbuatan) dengan tepat.	Kad penalti kepada kumpulan yang tidak berjaya mengerakkan Robot M-Solat sehingga ke petak Mumtaz. Kumpulan yang tidak berjaya melafazkan rukun <i>qalbi</i> (hati) dan rukun <i>qauli</i> (perkataan)serta melakukan rukun <i>fikli</i> (perbuatan) dengan tepat tidak dibenarkan mengerakkan Robot M-Solat mengikut petak permainan yang telah ditentukan

Kebenaran mengerakkan Robot M-Solat ke petak permainan seterusnya bagi kumpulan yang berjaya melafazkan rukun *qalbi* (hati) dan rukun *qauli* (perkataan) serta melakukan rukun *fikli* (perbuatan) dengan tepat mengikut petak permainan yang telah ditentukan.

Submodul Sunat-sunat Solat Fardu

Submodul sunat-sunat solat fardu memfokuskan berkaitan sunat *ab'ad* dan sunat *hai'ah* secara teori dan amali dari aspek *qauli* (perkataan) dan *fikli* (perbuatan):

Jadual 3: Implementasi Peneguhan Positif Dan Peneguhan Negatif Dalam Pembangunan Submodul Sunat-Sunat Solat Fardu

Aktiviti	Implementasi Peneguhan Positif	Implementasi Peneguhan Negatif
Sunat <i>Ab'ad</i> I	Pemberian ganjaran “bintang” kepada murid yang berjaya menjawab soalan guru semasa sesi <i>muraja'a</i> (ulangkaji). Menaikkan semangat dan motivasi murid untuk mengulang hafazan sunat <i>ab'ad</i> khususnya bagi murid yang belum menguasai <i>tahiyat</i> akhir dan doa <i>qunut</i> .	Tugasan peta pemikiran buih berganda kepada murid yang tidak berjaya membezakan sunat <i>ab'ad</i> dan sunat <i>hai'ah</i> .
Sunat <i>Ab'ad</i> II	Pemberian bintang kepada murid yang berjaya menghafaz/melakukan sunat <i>ab'ad</i> dengan tepat.	Masa tambahan untuk bimbingan individu sunat <i>ab'ad</i> solat fardu.
Sunat <i>Hai'ah</i>	Pemberian “bintang” kepada murid berjaya menjawab soalan dengan tepat semasa sesi <i>muraja'a</i> (ulangkaji).	Masa tambahan untuk bimbingan individu sunat <i>hai'ah</i> solat fardu.
Perkara Membatalkan Solat Fardu	Pemberian “bintang” kepada murid berjaya menjawab soalan dengan tepat semasa sesi <i>muraja'a</i> (ulangkaji). Kad anugerah bagi kumpulan yang berjaya menyelesaikan masalah berkaitan perkara membatalkan solat fardu dengan hukum dan alasan yang tepat. Kad anugerah bagi kumpulan yang memperlihatkan kerjasama yang baik.	Tugasan bagi kumpulan yang tidak berjaya menyelesaikan masalah berkaitan perkara membatalkan solat fardu dengan hukum dan alasan yang tepat.

Sub Modul: Khusyuk Solat Fardu

Submodul *khusyuk* solat fardu berkisar berkaitan konsep *khusyuk* dan cara-cara mendapatkan *khusyuk* solat fardu secara teori dan amali.

Jadual 4: Implementasi Peneguhan Positif dan Peneguhan Negatif dalam Pembangunan Submodul *Khusyuk* Solat Fardu

Aktiviti	Implementasi Peneguhan Positif	Implementasi Peneguhan Negatif
<i>Khusyuk</i> Solat Fardu I	Galakan <i>khusyuk</i> solat fardu.	Teguran, bimbingan dan nasihat.
<i>Khusyuk</i> Solat Fardu II	Dorongan dan motivasi agar berusaha untuk <i>khusyuk</i> dalam menunaikan solat fardu.	Teguran, bimbingan dan nasihat.

Submodul : Amali dan Ijbari Solat Fardu

Submodul Amali dan ijbari solat fardu merupakan penilaian dan amali solat fardu secara menyeluruh mengabungkan rukun *qalbi* (hati), rukun *qauli* (perkataan), rukun *fikli* (perbuatan), sunat *ab'ad* dan sunat *hai'ah*.

Jadual 5: Implementasi Peneguhan Positif dan Peneguhan Negatif dalam Pembangunan Submodul Amali dan Ijbari Solat Fardu

Aktiviti	Implementasi Peneguhan Positif	Implementasi Peneguhan Negatif
Amali Solat Fardu	Robot M-Solat mengucapkan Mumtaz kepada murid yang melakukan amali solat fardu dengan tepat.	Masa tambahan untuk bimbingan individu amali solat fardu.
Ijbari (Ujian) Solat Fardu	Pemberian kata-kata semangat.	Tugasan tambahan berkaitan teori solat fardu.
<i>Hayya 'Alal Falah</i>	Pemberian hadiah kepada murid yang berjaya mengumpul anugerah bintang dalam PdPc terdahulu.	Teguran dan nasihat.

Berdasarkan jadual satu hingga jadual lima, peneguhan positif dan peneguhan negatif dapat diimplementasikan dalam Modul Robot M-Solat dalam pelbagai teknik mengikut aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam submodul Modul Robot M-Solat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, implementasi peneguhan positif dalam Modul Robot M-Solat dapat diimplementasikan dengan pemberian bintang, pemberian kad anugerah, penghormatan dan pujian daripada guru atau Robot M-Solat. Manakala, penggunaan peneguhan negatif pula digunakan dengan pemberian kad penalti, teguran, nasihat, masa dan tugasan tambahan semasa proses pembelajaran dan pemudahcara berlangsung. Penggunaan teknik ini secara tidak langsung dapat menjadikan pembelajaran dan pemudahcara solat fardu (PdPc) menjadi lebih efektif untuk meningkatkan penguasaan teori dan amali solat fardu dengan lebih maksimum.

Rujukan

- Bengtsson M. (2016). How to plan and perform a qualitative study using content analysis. *NursingPlus Open*, 2, 8–14. <https://doi.org/10.1016/j.npls.2016.01.001>
- Bernad, Russell H & Ryan, Gery W (2010). *Analyzing qualitative data sytematic approaches*. Los Angeles: SAGE Publication Ltd.
- Fhatin Nurnaqibah Alyaa Mohd Noor, & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2016). Modifikasi tingkah laku murid menggunakan time-out dan kata pujian. (August). Retrived from <https://www.researchgate.net/publication/311116845>
- Fritze, T. (2019). *B.F. Skinner's theory of performance excellence: a radical behavioral perspective* (Vol. 2019). Tesis PhD. University of Denver.
- Ghazali Darusalam & Sufeyan Husin (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Gordan, M.& Krishanan, I.A (2014). A review of B.F Skinner's "reinforcement theory of motivation." *International Journal of Research in Education Methodology*, 5(3), 680–688.
- Grbich, C (2013). *Qualitative data analysis*. Los Angeles: SAGE Publication Ltd.
- Jamaliah Abdul Jalil, Mohd Isa Hamzah, & Maimun Aqsha Lubis. (2017). Tahap pengetahuan dan amalan fardu ain anak-anak mualaf sekolah Menengah di Bahagian Sri Aman Sarawak. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(January), 107–123.
- Khalim Zainal. (2008). Memahami tingkah laku remaja bermasalah dari Perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik & Tret Personaliti. *Jurnal Pengajian Umum*, 9, 43–56.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Buku panduan dan rekod pencapaian penilaian perkara asas fardu ain (PAFA)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2015). *Pendidikan Islam dokumen standard kurikulum dan pentaksiran*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Zainal Abidin Che Mood, Mohd Aminuddin Ab. Rahaman, Nurul Huda Mohd Bisri, & Zaradi Sudin. (2012). *Amalan solat fardhu di kalangan pelajar PISMP semester 3 ambilan januari 2012*.
- McLeod. (2015). Skinner - Operant conditioning. Retrived from https://www.academia.edu/23759303/Skinner_-_Operant_Conditioning
- Nor Fauzani Jumodi, Nor Akmal Mohamad, & Noor Haslinda Zainoldin. (2014). *Sejauhmana faktor penguasaan bacaan asas solat dalam mempengaruhi pengamalan solat di kalangan pelajar semester 1 Kolej Komuniti Kuantan*.
- Nurul Azura Che Hashim, Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Mohd Mokhtar Tahar. (2016). *Mengubahsuai tingkahlaku makan megggunakan tangan kiri melalui teknik peneguhan sosial*. Retrived from https://www.researchgate.net/profile/Mohd_Yasin3/publication/311105424_
- RK Rusli, & MA Kholik. (2013). Teori belajar dalam psikologi pendidikan. *Jurnal Sosial Humaniora*, 4, 62–67. Retrived from <https://ojs.unida.ac.id/JSH/article/view/468/pdf>
- Sajap Maswan. (t.th). *Mengaplikasikan teori-teori pembelajaran di dalam mereka bentuk bahan pengajaran berasaskan ict untuk Pendidikan Seni Visual*. Retrived from <https://s3.amazonaws.com/academia.edu.documents/>
- Sang, M. S. (2008). *Psikologi pendidikan*. Ipoh: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Skinner, B. F. (1950). *The psychological review are theories of learning necessary?*57(4).
- Smith, L. M. (1999). B. F. Skinner (1904-1990). *PROSPECTS: Quarterly Review of Comparative Education*, XXIV (3), 1–9.

Zhou, M., & Brown, D. (2017). Educational learning theories: 2nd Edition. In *Education Open Textbooks*. Retrieved from <https://oer.galileo.usg.edu/education-textbooks/1>